

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH : 02 MEI 2016

## Pasar Moden Seksyen 6 selesa

Pelanggan puas hati barang dijual berkualiti, majoriti peniaga jujur berurus niaga

### REAKSI



“Pasar ni ada banyak tempat letak kereta, medan selera pun ada untuk memudahkan pelanggan makan. Malah, kualiti kebersihan yang baik berbanding pasar lain di sekitar Shah Alam mahupun Klang.” - Nizar Ahmad Bakri, 48



Selain bersih dan selesa, pasar ni juga terbaik sebab peniaga-peniaga sentiasa mengutamakan jualan barangan berkualiti pada harga berpatutan.” - Peniaga buah, Sallehudin Shaaran, 46



“Saya puas hati dengan kualiti barang dijual, tapi bab kebersihan pasar ini saya kurang puas hati sebab masih ada peminta sedekah berkeluaran di sini.” - Kakitangan awam, Anis Mat Hassan, 40

### ■ HAFEZDZULLAH HASSAN

Suasana yang kondusif dan barangan jualan yang berkualiti mendorong pengguna memilih Pasar Moden Seksyen 6 sebagai tempat mendapatkan barangan basah seperti ikan, sayur dan buah-buahan.

Tinjauan *Sinar Harian* di pasar berkenaan mendapati, majoriti pengguna berpuas hati dengan kualiti perkhidmatan Pasar Moden Seksyen 6 itu selain peniaga dan pekerja-pekerjanya warga tempatan.

Persyarah, Mazwan Mahat, 34, berkata, barangan basah yang ditawarkan di pasar itu memenuhi kualiti dan kehendak sesi keluarganya.

“Saya pernah ke pasar lain sebelum ini, tetapi akhirnya kembali semula ke pasar Moden Seksyen 6 sebab barangan yang ditawarkan di sini, jauh lebih berkualiti,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, dia memilih membeli-belah di Pasar Moden Seksyen 6 kerana majoritinya peniaga-peniaga bersikap jujur.

“Peniaga dan pekerja juga warga tempatan, mereka di situ tak campur adukkan barang lama dengan barang yang baharu... mereka asingkan untuk memudahkan pengguna memilih mengikut kemampuan.”

“Ikan segar dijual pada harga sedikit mahal, ikan yang kurang segar pula dijual pada harga yang murah,” katanya.

Sementara itu, peniaga sayur, Suhaimi Abd Ghani, 59, berkata, peniaga di situ sentiasa menyediakan suasana kondusif untuk pelanggan-pelanggannya.

Menurutnya, nilai kebersihan keseluruhan tempat termasuk gerai-peniaga antara perkara yang diberikan perhatian.

“Kami sentiasa memberikan yang terbaik sama ada dari segi kuantiti ataupun kualiti perkhidmatan supaya pelanggan puas hati membelanjakan wang mereka di pasar ini.”

“Secara keseluruhannya, kebersihan di sini memuaskan sebab setiap peniaga menguruskan sampah mereka dengan baik,” katanya.

Katanya, peniaga turut memastikan bering jualan di gerai masing-masing tersusun untuk memudahkan pelanggan membuat pilihan.

“Kami juga tidak menggalakkan pengambilan pekerja warga asing terutamanya Bangladesh bagi menghidupkan pelanggan rasa tidak selesa,” katanya.

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH : 02 MEI 2016



Pasangan ini antara peniaga sayur di Pasar Moden Seksyen 6 yang mendapat perhatian pengunjung.



Pelbagai jenis ikan segar dijual pada harga berpatutan.